

Analisis Kesalahan Tulisan Hiragana dan Katakana dalam Pembelajaran Bahasa Jepun sebagai bahasa ketiga di UiTM

Norhazlina Husin¹, Nur Anisah Tan Abdullah², Aini Aziz³

¹Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Malaysia
norha462@uitm.edu.my

²Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Malaysia
anistan@uitm.edu.my

³Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Malaysia
ainiaziz1962@gmail.com

Article history:

Received: 30 March 2020

Accepted: 17 September 2020

Published: 30 September 2020

Abstrak

Pembelajaran bahasa Jepun sebagai bahasa ketiga ada cabarannya yang tersendiri. Pelajar yang mempelajari bahasa Jepun perlu memahami dan menguasai ketiga-tiga sistem tulisan bahasa Jepun; Hiragana, Katakana dan Kanji. Di UiTM, pengajaran sistem tulisan bahasa Jepun diajar dalam tiga tahap iaitu Hiragana dipelajari di Tahap I, Katakana di Tahap II dan Kanji di Tahap III. Pelajar perlu menguasai Hiragana sebelum mempelajari Katakana dan Katakana juga perlu difahami sebelum mempelajari tulisan Kanji. Analisis terhadap hasil penulisan pelajar yang mempelajari bahasa Jepun di Tahap III menunjukkan bahawa pelajar masih keliru dengan penggunaan sistem tulisan bahasa Jepun. Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat empat kesalahan lazim yang dilakukan oleh pelajar iaitu (i) kesilapan penggunaan tulisan Hiragana dan Katakana, (ii) penggunaan tulisan Hiragana untuk penulisan partikel, (iii) kekeliruan teknik penulisan Hiragana dan Katakana dan (iv) *Sono ta* (kesilapan-kesilapan lain). Peruntukan masa yang sedikit dan kurangnya peluang untuk menggunakan bahasa Jepun menjadi faktor utama berlakunya kesilapan-kesilapan ini. Makalah ini membicarakan tentang kesalahan penggunaan sistem tulisan Hiragana dan Katakana oleh pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam yang mengikuti kursus bahasa Jepun sebagai bahasa ketiga.

Kata Kunci: *Hiragana, Katakana, Kanji, bahasa ketiga*

Abstract

The learning of Japanese language as third language is faced with its own unique kind of challenges. Students who learn Japanese have to understand and master three Japanese writing systems, namely Hiragana, Katakana and Kanji. In UiTM, the teaching of Japanese writing systems is taught at three levels. Hiragana is taught at Level I, Katakana at Level II and Kanji at Level III. Students have to really comprehend Hiragana before they begin to learn Katakana and gradually Katakana needs to be learned before proceeding to learn Kanji. Analysis conducted on Level III Japanese language students show that students are still confused with the writing system. Findings show that there are four types of errors in the students' writing. They are (i) errors in the use of Hiragana and Katakana, (ii) the use of Hiragana as particles, (iii) confusion in writing techniques of Hiragana and Katakana, and (iv) other errors (Sono-ta). Short time allocation and less opportunities of using Japanese language are two main factors that contribute to

these errors. This article discusses on the analysis of errors in the use of Katakana and Hiragana writing systems among students of Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam learning Japanese language as third language.

Keywords: *Hiragana, Katakana, Kanji, Third language*

Pengenalan

Akademi Pengajian Bahasa (APB) Universiti Teknologi MARA (UiTM) menawarkan sembilan bahasa sebagai kursus teras program, kursus wajib universiti dan kursus bahasa ketiga. Kesemua sembilan bahasa ini dapat dikategorikan sebagai bahasa Asia (Bahasa Melayu, Arab, Korea, Jepun dan Mandarin) dan bahasa Eropah (Inggeris, Itali, Jerman dan Perancis).

Bahasa Melayu ditawarkan sebagai kursus wajib universiti dan teras program di empat buah fakulti termasuk APB manakala bahasa Inggeris ditawarkan sebagai kursus teras program di APB dan kursus wajib universiti di semua fakulti dalam sistem UiTM. Tujuh bahasa yang lain ditawarkan kepada semua pelajar UiTM sebagai kursus bahasa ketiga pada tiga tahap iaitu Tahap I, Tahap II dan Tahap III. Kursus bahasa ketiga memberi penekanan terhadap aspek berbahasa dalam komunikasi seharian. Ini termasuklah bahasa Jepun.

Makalah ini membicarakan tentang hasil analisis kesalahan penggunaan tulisan Hiragana dan Katakana di kalangan pelajar UiTM Shah Alam yang mengikuti kursus bahasa Jepun sebagai bahasa ketiga. Makalah ini ditulis berdasarkan sebahagian daripada dapatan kajian yang meninjau cabaran yang boleh menyulitkan proses pengajaran bahasa Jepun kepada pelajar di UiTM.

Pernyataan Masalah

Setiap pelajar UiTM perlu lulus dalam ketiga-tiga tahap kursus bahasa ketiga yang didaftarkan. Pelajar perlu mengikuti kursus bahasa ketiga sama ada bermula dari Semester 1 atau Semester 2 bergantung kepada pelan pengajian program masing-masing.

Dari segi peruntukan masa, setiap tahap bahasa ketiga yang ditawarkan di setiap fakulti diberi tempoh 2 jam seminggu atau 28 jam satu semester untuk 14 minggu pembelajaran. Jika dijumlahkan keseluruhan tempoh pembelajaran, pelajar hanya mempelajari bahasa ketiga selama 84 jam untuk tiga tahap/semester sepanjang pengajian mereka. Pada dasarnya jika seseorang itu mempelajari bahasa asing atau bahasa ketiga selama 84 jam, dia hanya dapat menguasai perkara-perkara asas seperti memperkenalkan diri dan keluarga,

Analisis Kesalahan Tulisan Hiragana dan Katakana dalam Pembelajaran Bahasa Ketiga di UiTM

memperkenalkan orang lain, memberitahu umur, nombor telefon, harga barang dan tarikh.

Secara umumnya, di setiap tahap kursus, hasil pembelajaran kursus bahasa Jepun sebagai bahasa ketiga adalah:

- i. dapat menunjukkan kemahiran sosial dalam berinteraksi menggunakan bahasa Jepun (Tahap I - III)
- ii. dapat menunjukkan norma bahasa dalam berinteraksi menggunakan bahasa Jepun (Tahap I - III)
- iii. dapat menunjukkan kebolehan asas menulis, membaca, mendengar dan bertutur menggunakan bahasa Jepun dalam pelbagai konteks komunikasi seharian (Tahap I - II) serta membaca dan memahami teks (Tahap III).

Dalam pembelajaran bahasa Jepun di UiTM, pelajar diharapkan berkeupayaan untuk menerangkan objek, tempat, kata sifat, kata kerja, menceritakan tentang kegemaran, suasana persekitaran serta kehidupan mereka dalam lingkungan kandungan kursus yang mereka pelajari. Terma-terma IT yang asas juga diperkenalkan kepada pelajar supaya dapat dimanfaatkan oleh pelajar sesuai dengan kemajuan dunia ICT masa kini.

Tidak seperti bahasa ketiga lain yang mempelajari satu sistem tulisan, pelajar yang mengikuti kursus bahasa Jepun perlu mempelajari tiga sistem tulisan iaitu Hiragana, Katakana dan Kanji selain sistem bunyinya. Pelajar perlu memahami sistem tulisan Hiragana terlebih dahulu sebelum mempelajari sistem tulisan Katakana. Tulisan Katakana pula perlu difahami sebelum mempelajari sistem tulisan Kanji.

Memandangkan tempoh masa pembelajaran yang agak terhad, ketiga-tiga bentuk tulisan tersebut dibahagikan kepada tiga tahap seperti berikut:

- Tulisan Hiragana dipelajari semasa tahap I
- Tulisan Katakana dipelajari semasa tahap II
- Tulisan Kanji dipelajari semasa tahap III

Dalam kes pembelajaran tulisan Hiragana di UiTM, pelajar diperkenalkan dengan tulisan ini sejak dari peringkat awal kursus. Semasa Tahap I, pensyarah akan mengajar cara menyebut dan menulis huruf-huruf Hiragana dalam kelas. Pelajar perlu mempraktikkannya sendiri di luar masa kuliah. Begitu juga dengan sistem tulisan Katakana. Pelajar yang mengikuti kursus bahasa Jepun wajib juga menguasai tulisan ini dengan baik.

Tidak dinafikan bahawa pembelajaran sistem tulisan Jepun amat menyulitkan. Apatah lagi bahasa Jepun juga tidak menggunakan sistem tulisan atau huruf yang biasa digunakan dalam kebanyakan bahasa. Sistem Copyright © The Author(s). All Rights Reserved

tulisan bahasa Jepun ada cabarannya tersendiri untuk dipelajari. Bunyinya sama tetapi tulisan berbeza mengikut keperluan. Tidak mustahil jika terdapat kekeliruan atau ketidakfahaman sehingga menyebabkan pelajar tidak menggunakan sistem tulisan yang betul.

Dalam hal ini, sistem tulisan bahasa Jepun merupakan satu cabaran besar bagi pelajar untuk memahaminya. Pengenalan yang betul tentang huruf-huruf Hiragana dan Katakana boleh mempengaruhi prestasi akhir pelajar. Ketidakfahaman atau ketidaksediaan pelajar untuk mempraktikkan sendiri secara tidak langsung menyebabkan kekeliruan atau penggunaan sistem tulisan yang salah. Ini dapat dilihat dalam contoh-contoh yang diberikan.

Objektif

Secara umumnya makalah ini ditulis berdasarkan hasil penyelidikan tanpa biaya berdaftar yang bertajuk 'Penguasaan Sistem Tulisan Hiragana dan Katakana oleh Pelajar Asing Bahasa Jepun di UiTM Selangor'. Satu daripada objektif kajian ini adalah untuk menilai tahap kefahaman pelajar terhadap penggunaan sistem tulisan bahasa Jepun iaitu Hiragana dan Katakana. Perbincangan dalam makalah ini ditulis berdasarkan sebahagian daripada dapatan penyelidikan ini dengan memfokuskan kepada membicarakan tentang analisis kesalahan penggunaan tulisan Hiragana dan Katakana yang dilakukan oleh pelajar UiTM yang mengikuti kursus bahasa Jepun sebagai kursus bahasa ketiga.

Kajian Literatur

Bahasa Jepun merupakan satu daripada bahasa yang sukar untuk dipelajari oleh bukan penutur asli. Satu daripada aspek yang menyukarkan pembelajaran bahasa Jepun oleh penutur asing adalah sistem tulisannya yang kompleks (Muhammad Salim Hossain & Muhammad Kamal Uddin, 2008).

Tulisan Hiragana merupakan tulisan asli Jepun. Seseorang yang mempelajari bahasa Jepun wajib menguasai tulisan ini dengan baik. Sistem tulisan Hiragana adalah mirip kepada sistem abjad Roman yang merupakan sistem paling asas yang menjadi teras dalam menguasai bahasa Jepun sebelum mempelajari sistem tulisan Katakana dan Kanji. Kesemua huruf Hiragana berasaskan kepada lima vokal iaitu あ (a), い (i), う (u), え (e) dan お (o). Ia digunakan sama ada secara sendirian, bergabung dengan konsonan ($k + a = か$, $k + i = き$, $k + u = く$, $k + e = け$ dan $k + o = こ$) atau konsonan yang bergabung dengan semi vokal ($k+y+a=きゃ$). Manakala ん (n) ialah satu-satunya huruf yang tidak bergabung dengan vokal.

Analisis Kesalahan Tulisan Hiragana dan Katakana dalam Pembelajaran Bahasa Ketiga di UiTM

Dalam bahasa Jepun moden, Hiragana digunakan bagi menulis perubahan bentuk kata kerja. Contohnya perkataan 食べます (tabemasu – akan makan) dan 食べました (tabemashita – telah makan); **masu** dan **mashita** ditulis dalam Hiragana untuk menunjukkan kata kerja tersebut dalam bentuk kata kerja kala kini dan kala lampau.

Begitu juga dengan kata adjektif bahasa Jepun yang ditulis menggunakan Hiragana di hujungnya yang dipanggil Okurigana serta perubahan bentuk adjektif bagi perkataan seperti (i) 寒い (samui - sejuk) dan 新しい (atarashii – baru), **shi** dan **i** ditulis dalam Hiragana, (ii) 寒かった (samukatta – sejuk (telah berlalu) dan 寒くない (samukunai – tidak sejuk) **katta** dan **kunai** masing-masing menunjukkan adjektif dalam bentuk kala lampau dan negatif.

Partikel bahasa Jepun menggunakan Hiragana sepenuhnya, contohnya で (de - di mana), から (kara – daripada), に (ni – pada, kepada) dan sebagainya. Perkataan asal bahasa Jepun ditulis menggunakan tulisan Hiragana manakala perkataan-perkataan yang terlalu sukar untuk ditulis atau dibaca menggunakan sistem tulisan Kanji Furigana.

Sistem tulisan Katakana pula secara keseluruhannya menyamai sistem Hiragana dari segi sebutan. Hanya bentuk hurufnya yang berbeza. Katakana digunakan untuk menulis perkataan asing atau pinjaman yang dipinjam daripada bahasa-bahasa lain. Mana-mana perkataan yang dipinjam daripada negara luar atau bahasa asing akan diubah suai mengikut sebutan yang terhampir dengan sebutan orang Jepun. Contohnya perkataan '*televisyen*' akan disebut "*terebi*" dan ditulis テレビ menggunakan tulisan Katakana. Selain itu, nama orang asing, nama benda dan onomatopia yang sememangnya asing bagi bahasa Jepun juga ditulis dalam tulisan Katakana.

Tulisan Kanji pula merupakan tulisan yang dipengaruhi oleh tulisan Cina. Tulisan Kanji lebih banyak stroknya dan lebih rumit berbanding tulisan Hiragana dan Katakana. Kanji adalah ideogram. Setiap karakternya mempunyai makna tersendiri dan sepadan dengan perkataan. Dengan menggabungkan karakter-karakter, banyak perkataan boleh diwujudkan. Sebagai contoh, gabungan perkataan '*elektrik*' 電 dengan '*kereta*' 車 bermaksud '*kereta api*' 電車. Terdapat ribuan karakter dalam tulisan Kanji.

Pembelajaran sistem tulisan bahasa Jepun memang tidak dinafikan terdapat cabarannya yang tersendiri. Bagi pelajar asing yang tidak pernah menggunakan atau mempelajari sistem tulisan selain tulisan Roman, sistem tulisan bahasa Jepun boleh menimbulkan masalah untuk mempelajarinya.

Muhammad Salim Hossain dan Muhammad Kamal Uddin (2009) yang mengkaji kesukaran dalam pembelajaran sistem tulisan Katakana di kalangan pelajar Bangladesh mendapati bahawa kebanyakan pelajar gagal dalam pembelajaran bahasa Jepun sebagai bahasa asing. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa terdapat dua aspek psikologi kognitif yang boleh dikaitkan dengan kegagalan yang berlaku. Satu daripadanya adalah Katakana dipelajari selepas Hiragana. Ini menyebabkan pelajar keliru dengan penggunaan sistem tulisan Katakana kerana ia dianggap sistem tulisan yang baharu. Satu lagi aspek yang boleh menerangkan kegagalan yang berlaku adalah pelajar mendapati strok tulisan Katakana lebih sukar untuk difahami dan ditulis. Mereka lebih mudah memahami tulisan Hiragana dan menganggap tulisan ini lebih mudah digunakan.

Tiya Iriyanti dan Rusmiyati (2019) yang menganalisis kesalahan dalam penulisan Hiragana dan Katakana bagi kosa kata *Futsuu Meishi* Dalam Karangan Sederhana Bahasa Jepun Tema “UCHI” di kalangan mahasiswa Kelas XI MIA SMAN 1 Sumberrejo Bojonegoro Tahun Pengajaran 2017/2018 menyatakan bahawa pelajar sukar untuk menghafal huruf Hiragana dan Katakana serta kosa kata bahasa Jepun hingga tidak dapat membezakan huruf-huruf dan menuliskannya dengan betul. Mereka mendapati bahawa terdapat tiga jenis kesalahan dalam penulisan Hiragana dan Katakana iaitu (i) ketidaktepatan penulisan huruf yang melibatkan penulisan *dakuon*, penulisan *handakuon*, kesalahan penggunaan *chōon*, kesalahan penggunaan *yōon* dan kesalahan penggunaan *sokuon*. Kategori kesalahan yang kedua adalah (ii) ketidaksesuaian bentuk huruf dan kategori ketiga (iii) ketidaktepatan pemilihan huruf.

Uyun Suciwati dan Retnani (2019) yang menganalisis kesalahan menulis kosa kata Katakana *meishi* pada siswa kelas XI Bahasa SMA Negeri 1 Tahun Pengajaran 2017/2018 mendapati bahawa bentuk kesalahan menulis kosa kata Katakana *meishi* disebabkan oleh empat kategori iaitu (i) kesalahan penggunaan *chōon* (yang melibatkan ketidaktepatan penggunaan tanda *chōon* dan penghilangan tanda *chōon*, (ii) kesalahan penulisan *sokuon*, (iii) kesalahan bentuk huruf yang mirip (iv) dan kesalahan memilih huruf ejaan asal bahasa asing.

Didapati bahawa dalam kebanyakan kajian yang mengkaji penggunaan sistem tulisan bahasa Jepun oleh pelajar asing menunjukkan bahawa kesalahan lebih kerap berlaku dalam penggunaan sistem tulisan

Analisis Kesalahan Tulisan Hiragana dan Katakana dalam Pembelajaran Bahasa Ketiga di UiTM

Katakana berbanding Hiragana. Sekiranya Katakana tidak difahami dengan jelas, sudah pasti akan wujud kekeliruan atau penggunaan sistem tulisan Kanji yang salah.

Pengajaran sistem tulisan bahasa Jepun ada kalanya menuntut pengajar bahasa Jepun menggunakan kreativiti untuk memudahkan pembelajaran. Selari dengan perkembangan teknologi, pengajaran dan pembelajaran sistem tulisan Hiragana dan Katakana juga memanfaatkan teknologi dan media yang sedia ada.

Jie Chi Yang dan Kanji Akahori (1998) yang menganalisis kesalahan dalam tulisan bahasa Jepun oleh pelajar asing mendapati bahawa penggunaan komputer dan media turut membantu pelajar dalam mengenal pasti dan membetulkan kesalahan dalam penulisan mereka. Pembelajaran berbantuan komputer, *Computer Assisted Language Learning (CALL)* yang menggunakan teknik *Natural Language Processing (NLP)* didapati membantu pelajar untuk menaip ayat dengan mudah dan mengenal pasti kesalahan. Teknik ini juga dapat memberi maklum balas kepada pelajar untuk membetulkan kesalahan mereka.

Menurut Uning Kuraesin (2010), kemajuan teknologi turut dimanfaatkan sebagai satu kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran sistem tulisan Hiragana di Universitas Widyatama. Beliau menyatakan bahawa bukan hal yang mudah untuk mahasiswa di Universitas Widyatama untuk membaca dan menulis Hiragana dalam waktu yang singkat. Apatah lagi jika masa yang diperuntukkan semasa kuliah tidak secara khusus mengajar sistem tulisan ini. Mempelajari Hiragana melalui permainan berbantuan komputer (*computer-based game*) didapati membantu pelajar memahami Hiragana dengan baik dan menggunakannya dengan betul. Pembelajaran sebegini juga didapati lebih efisien, mudah dan menarik.

Syahrul Noer Rachmad (2013) menyatakan bahawa Program Pembelajaran Huruf Hiragana dan Katakana di Universitas Stikubank (UNISBANK) menggunakan perisian Java bagi membantu pelajar mempelajari tulisan Hiragana dan Katakana dengan lebih mudah dan menarik. Sunarti, Rangga R.Y dan Dedi Damhudi (2016) pula menyatakan bahawa pengajaran tulisan Jepun menggunakan aplikasi berasaskan Android didapati banyak membantu dalam mempermudah pembelajaran. Bahkan urutan penulisan serta sebutan sesuatu bunyi dengan betul juga dapat difahami dengan mudah.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif. Bahan kajian diteliti dan dianalisis kesalahannya melalui analisis kesalahan. Analisis kesalahan merupakan satu kaedah yang mengenal pasti dan menghimpunkan kesalahan yang terdapat dalam hasil penulisan pelajar, yang membincangkan sama ada kesalahan tersebut sistematik atau tidak dan jika perlu, membincangkan faktor penyebabnya. Dalam hal ini, skrip hasil tulisan pelajar dianalisis setiap ayat yang ditulis. Kesalahan yang dilakukan pelajar kemudiannya dicatatkan dan dikategorikan kesalahannya. Kesalahan-kesalahan ini kemudiannya dibincangkan dalam makalah ini.

Sebanyak 20 skrip hasil tulisan pelajar (dari gugusan Sains Sosial serta gugusan Sains dan Teknologi) yang mengikuti kursus bahasa Jepun sebagai bahasa ketiga digunakan sebagai bahan kajian untuk dianalisis bagi mencapai objektif kajian. Kesemua skrip ini dihasilkan oleh pelajar yang terdiri daripada latar belakang pengajian yang berbeza. Skrip yang digunakan untuk dianalisis bagi kajian ini dipilih secara rawak dan melibatkan pelajar dari Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur.

Kesemua skrip yang dianalisis ini merupakan hasil kerja pelajar yang mengikuti kursus bahasa Jepun Tahap III. Pelajar yang mengikuti kursus bahasa Jepun Tahap III diminta untuk menyiapkan satu tugas yang mewajibkan mereka menulis menggunakan tulisan Hiragana dan Katakana. Pelajar perlu membina ayat berdasarkan arahan yang telah diberikan. Skrip oleh pelajar yang mengikuti bahasa Jepun Tahap III digunakan kerana ia lebih sesuai berbanding pelajar yang mengikuti kursus bahasa ini di Tahap I atau II. Pelajar bahasa Jepun Tahap III seharusnya telah menguasai atau sekurang-kurangnya memahami sistem tulisan Hiragana dan Katakana. Tambahan lagi di Tahap III, sistem tulisan Kanji dipelajari dan tulisan ini lebih sukar untuk dikuasai berbanding tulisan Hiragana dan Katakana.

Memang tidak dinafikan bahawa terdapat kesalahan tatabahasa yang dilakukan oleh pelajar dalam tugas yang diberikan. Walau bagaimanapun, makalah ini tidak akan menyentuh tentang kesilapan tatabahasa pelajar tetapi memfokus kepada analisis kesalahan penggunaan tulisan Hiragana dan Katakana.

Dapatan dan Perbincangan

Daripada hasil analisis yang dilakukan, didapati bahawa pelajar masih lagi menghadapi masalah dalam pembelajaran sistem tulisan Hiragana, Katakana dan Kanji. Pensyarah yang mengajar bahasa Jepun sebagai

Analisis Kesalahan Tulisan Hiragana dan Katakana dalam Pembelajaran Bahasa Ketiga di UiTM

bahasa ketiga mendapati bahawa kebanyakan pelajar lebih menguasai kemahiran membaca huruf-huruf dan perkataan dalam tulisan Hiragana berbanding kemahiran menulis. Namun begitu, masih terdapat pelajar yang kurang mahir membaca huruf-huruf dan perkataan dalam tulisan Hiragana.

Hasil analisis terhadap tugas yang diserahkan mendapati bahawa terdapat empat kesalahan lazim yang dilakukan oleh pelajar iaitu:

- Kekeliruan penggunaan huruf Hiragana dan Katakana
- Penggunaan tulisan Hiragana untuk penulisan partikel
- Kekeliruan teknik penulisan Hiragana dan Katakana
- *Sono ta* (kesilapan-kesilapan lain)

Kesemua kesalahan ini dibincangkan menggunakan contoh yang dipetik daripada tugas pelajar yang telah diserahkan kepada penyelidik.

Kekeliruan penggunaan huruf Hiragana dan Katakana

Hasil analisis mendapati bahawa kebanyakan pelajar masih keliru dalam menggunakan tulisan yang betul. Hasil analisis juga menunjukkan bahawa terdapat perkataan yang seharusnya ditulis menggunakan Hiragana ditulis menggunakan Katakana. Begitu juga sebaliknya. Jadual 1 berikut dapat menunjukkan dengan jelas.

Jadual 1: Kesalahan Penggunaan Huruf Hiragana dan Katakana

| Bil. | Kesilapan dalam Penulisan | Jenis Kesilapan |
|------|--|---|
| 1 | あしたわ <u>まれしあ</u> {Kesilapan (K1)}にかえました。 | K1:まれしあ (marēshia, Malaysia – nama negara asing bagi Jepun) ditulis dalam tulisan Hiragana. Sepatutnya ditulis menggunakan tulisan Katakana, iaitu マレーシア. |
| 2 | わたしは ともだちと <u>ばす</u> (K2) で Johor Legoland に きました。 | K2: Perkataan <u>ばす</u> (<i>basu</i>) yang bererti <i>bas</i> sepatutnya ditulis menggunakan tulisan Katakana menjadi バス kerana perkataan ini adalah perkataan pinjaman bahasa Inggeris dalam bahasa Jepun iaitu <i>bus</i> . |
| 3 | まいにち、わたしわ くるまの なかで、 <u>くらす</u> (K3) に いてきまし | K3: Perkataan <u>くらす</u> (<i>kurasu</i>) bermaksud bilik kuliah dan merupakan kata pinjaman daripada |

| | | |
|---|---|---|
| | た。 <u>ぱきんぐ</u> (K4)の びるでんぐ の たてものの みぎがわのある | bahasa Inggeris <i>classroom</i> . Perkataan ini sepatutnya ditulis dalam tulisan Katakana クラス. K4: <u>ぱきんぐ</u> sebutannya <i>paakin</i> , bermaksud <i>parking</i> . Ia juga seharusnya ditulis menggunakan Katakana パーキング memandangkan ia adalah perkataan pinjaman dari bahasa Inggeris. |
| 4 | <u>れすとらん</u> (K5) え いきます。 た べものわ おいしと やすい です。 | K5: Perkataan <u>れすとらん</u> (<i>resutoran</i>) juga seharusnya ditulis dalam Katakana レストラン kerana ia juga perkataan pinjaman dari bahasa Inggeris, <i>restaurant</i> . |
| 5 | わたしは ジョギングを してか ら、 <u>あいすくりむ</u> (K6)を たべ たいです。 | K6: Perkataan <u>あいすくりむ</u> (<i>aisukkuriimu</i>), bermaksud <i>ice cream</i> juga harus ditulis menggunakan Katakana menjadi アイスクリーム. |
| 6 | それから、わたしは ともだちと <u>てれび</u> (K7)おみます どうじに <u>ぼ っぷこうん</u> (K8)おたべます。 | K7: Perkataan <i>television</i> bahasa Inggeris apabila dipinjam sepatutnya ditulis sebagai テレビ (<i>terebi</i>) menggunakan tulisan Katakana dan bukannya menggunakan tulisan Hiragana てれび. K8: <i>Pop Corn</i> juga perlu ditulis menggunakan tulisan Katakana ポップコーン dan bukannya tulisan Hiragana ぼっぷこうん. |
| 7 | おんがくわ おもしろくて、 <u>ろ まんちっく</u> (K9)でした。 | K9: Perkataan <u>ろまんちっく</u> (sebutannya <i>romanchikku</i>) sepatutnya ditulis menggunakan tulisan Katakana ロマチック. |
| 8 | リュさんは <u>はんさむ</u> (K10)な おとこです。 | K10: Perkataan <i>handsome</i> telah ditulis menggunakan tulisan Hiragana はんさむ (<i>hansamu</i>) yang sepatutnya ditulis menggunakan Katakana menjadi ハンサム. |
| 9 | うちで <u>たくし</u> (K11)に のっ て、 Subang Jayaで LRTに のり | K11: Perkataan <i>taxi</i> seharusnya ditulis タクシー (<i>takushi</i>) menggunakan Katakana dan bukannya |

Analisis Kesalahan Tulisan Hiragana dan Katakana dalam Pembelajaran Bahasa Ketiga di UiTM

| | | |
|----|--|---|
| | かえた、リュの うちへ <u>ばす</u> (K12)で おりて ください | Hiragana たくし. K12: Perkataan <u>ばす</u> (<i>basu</i>) sepatutnya ditulis menggunakan tulisan Katakana menjadi バス kerana perkataan ini adalah perkataan pinjaman bahasa Inggeris. |
| 10 | あいさんは うちで くるまに の って、 <u>せちあ あらむ</u> (K13)お おりて、せちあ あらむお かい ものに いて、かいものお <u>け き</u> (K14)です、 <u>けき</u> お たべま す。 | K13: Nama tempat yang sememangnya bukan perkataan bahasa Jepun perlu ditulis menggunakan Katakana. <i>Shah Alam</i> , yang sebutannya <i>shā aramu</i> dalam bahasa Jepun seharusnya ditulis sebagai シヤ - アラム menggunakan Katakana dan bukannya menggunakan Hiragana せちあ あらむ. K14: <u>けき</u> (<i>keeki</i>) seharusnya ditulis sebagai ケーキ menggunakan Katakana kerana perkataan ini juga dipinjam dari bahasa Inggeris <i>cake</i> dan disesuaikan dengan bunyi bahasa Jepun. |
| 11 | きのうはイルワン <u>サン</u> (K15)のた んじょびでした。 | K15: サン (<i>san</i>) merupakan gelaran seperti <i>encik</i> , <i>puan</i> , <i>cik</i> dalam bahasa Jepun. Memandangkan <i>san</i> merupakan perkataan bahasa Jepun, <i>san</i> sepatutnya ditulis menggunakan Hiragana iaitu, さん dan bukannya dalam tulisan Katakanaサン. |
| 12 | わたしは ホテル <u>ニ</u> (K16)とまり ます。 | K16: ニ sebutannya <i>ni</i> dan merupakan partikel dalam bahasa Jepun. Oleh itu sememangnya ia perlu ditulis dalam tulisan Hiragana に. |

Perkataan bergaris dalam Contoh 1 hingga Contoh 10 merupakan contoh kesilapan yang dilakukan oleh pelajar semasa menulis dalam tulisan Hiragana. Sepatutnya kesemua perkataan ini ditulis dalam tulisan Katakana kerana ia merupakan perkataan pinjaman dalam bahasa Jepun. Dapatan analisis menunjukkan pelajar menggunakan tulisan Hiragana untuk menulis perkataan pinjaman dalam bahasa Jepun. Ini mungkin

kerana pelajar tidak beranggapan perkataan-perkataan tersebut sebagai perkataan pinjaman kerana perkataan-perkataan ini juga sering digunakan dalam bahasa ibunda pelajar.

Dalam Contoh 11 dan Contoh 12 pula, perkataan dan partikel asli bahasa Jepun ditulis menggunakan tulisan Katakana yang seharusnya ditulis menggunakan Hiragana. Dalam hal ini, pelajar juga keliru dengan asal perkataan dan partikel ini.

Penggunaan tulisan Hiragana untuk penulisan partikel

Selain keliru tentang penggunaan sistem tulisan yang betul, didapati bahawa pelajar juga masih keliru dengan penggunaan partikel yang menggunakan sistem tulisan Hiragana.

Jadual 2: Penggunaan Partikel Hiragana

| Bil. | Kesilapan dalam Penulisan | Jenis Kesilapan |
|------|--|---|
| 1 | まいあさ わたしは こうね <u>え</u> (K1) 行って、ジョギング を したいです。 | K1: <u>へ</u> Walaupun bunyinya 'he' tetapi bila digunakan sebagai partikel, bunyinya menjadi 'e'. Pelajar kerap tersilap menulis partikel ini dengan huruf え kerana huruf ini juga berbunyi 'e'. |
| 2 | きの わたしは ともだちと たんじょうびの パーティー <u>お</u> (K2) します から、とて も うれしかったです。 | K2: Walaupun sebutan bagi <u>を</u> adalah 'wo' tetapi bunyinya disebut sebagai 'o'. Huruf ini hanya digunakan sebagai partikel sahaja. Pelajar kerap menulis partikel ini dengan huruf お kerana huruf ini berbunyi 'o'. |
| 3 | おんがく <u>わ</u> (K3) おもしろ くて、ろまんちっくでした。 | K3: <u>は</u> Walaupun bunyinya 'ha' tetapi apabila digunakan sebagai partikel, bunyinya menjadi 'wa' dan pelajar kerap tersilap menulis partikel ini dengan huruf わ kerana huruf ini juga berbunyi 'wa'. |

Untuk partikel bahasa Jepun, huruf は (*ha*) disebutkan sebagai 'wa', huruf を (*wo*) sebagai 'o' dan huruf へ (*he*) sebagai 'e'. Pelajar sering terlupa dengan peraturan tersebut dan silap memilih huruf Hiragana yang mempunyai sebutan 'wa', 'o' dan 'e' untuk partikel. Pelajar sering menggunakan わ, お, dan え sebagai menggantikan partikel yang betul.

Analisis Kesalahan Tulisan Hiragana dan Katakana dalam Pembelajaran Bahasa Ketiga di UiTM

Kekeliruan teknik penulisan Hiragana dan Katakana

Hasil analisis juga mendapati bahawa pelajar masih lagi keliru dengan teknik penulisan Hiragana dan Katakana. Kekeliruan ini melibatkan (i) *Chōon* (sebutan panjang) dan (ii) penggunaan *Sokuon* (gandaan konsonan).

- ***Chōon* (sebutan panjang)**

Sesetengah perkataan perlu dipanjangkan bunyinya dengan menambah huruf vokal untuk tulisan Hiragana dan simbol ー untuk tulisan Katakana. Hasil analisis menunjukkan pelajar masih keliru dengan tulisan yang betul untuk sebutan yang panjang. Contoh kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dapat ditunjukkan melalui Jadual 3 berikut:

Jadual 3: Kekeliruan Teknik Penulisan

| Bil. | Kesilapan Penulisan | Jenis Kesilapan |
|------|--|---|
| 1 | きょしつ(K1) わにかいです。 | K1: Perkataan dalam tulisan Hiragana, きょしつ yang mempunyai sebutan panjang, sepatutnya ditulis sebagai きょうしつ (penambahan huruf vokal) う'う' diperlukan dalam tulisan ini. |
| 2 | たべものわ <u>おいし</u> (K2) と やすいです。 | K2: Huruf vokal い seharusnya dimasukkan ke dalam おいし menjadi おいしい kerana ia mempunyai sebutan yang panjang. |
| 3 | わたしは チャンさんと せんしゅうに <u>シャアラム</u> (K3) えきへ 行って、 ナシレマックを たべました。 | K3: Perkataan シャアラム dalam tulisan Katakana mempunyai sebutan panjang dan seharusnya ditulis sebagai シャーアラム dengan penambahan huruf ー. |
| 4 | おふたりは <u>おさか</u> (K4) の おんせんに 行ってきました。 | K4: Huruf vokal お seharusnya ditambah dalam perkataan おさか kerana ia mempunyai sebutan panjang dan ditulis sebagai おおさか. |
| 5 | うちから <u>びょいん</u> (K5) まで ばすで いちじゅっぷんぐら | K5: Perkataan びょいん yang ditulis menggunakan Hiragana mempunyai sebutan panjang dan perkataan |

| | | |
|----|--|--|
| | い かかります。 | ini sepatutnya ditulis sebagai <u>びょういん</u> . |
| 6 | <u>きの</u> (K6) わたしは ともだち と たんじょうびの パーチ ィーお しますから、とても うれしかったです。 | K6: Huruf vokal う seharusnya ditambah pada perkataan <u>きの</u> dalam tulisan Hiragana menjadi <u>きの う</u> kerana perkataan ini mempunyai sebutan yang panjang. |
| 7 | よる わたしは へやで <u>べ んきょ</u> (K7)お したいです。 | K7: Perkataan <u>べんきょ</u> seharusnya ditambah huruf vokal う menjadi <u>べんきょう</u> kerana perkataan yang ditulis menggunakan Hiragana ini mempunyai sebutan yang panjang. |
| 8 | <u>いもと</u> (K8) は ごぜん <u>じ ゅ</u> (K9)じに ともだちと ば すで うちえ かえます。 | K8: Perkataan dalam tulisan Hiragana, <u>いもと</u> yang mempunyai sebutan panjang, sepatutnya ditulis sebagai <u>いもうと</u> . Didapati bahawa pelajar tersilap menggunakan simbol ‘一’ yang digunakan untuk sebutan panjang perkataan Katakana. K9: Huruf vokal う juga seharusnya ditambah pada perkataan dalam tulisan Hiragana, <u>じゅ</u> menjadi <u>じゅ う</u> kerana ia juga mempunyai sebutan panjang. |
| 9 | うちは <u>がっこ</u> (K10) の と なり ですから わたしは あるいて いきます。 | K10: Huruf vokal う seharusnya ditambah pada perkataan <u>がっこ</u> yang ditulis menggunakan Hiragana sebagai <u>がっこう</u> kerana perkataan ini mempunyai sebutan panjang. |
| 10 | わたしは はが いたいですか ら、 <u>きょ</u> (K11) いしゃと <u>び ょーいん</u> (K12) で あいたい です | K11: Huruf vokal う (<i>u</i>) perlu dimasukkan dalam <u>きょ</u> menjadi <u>きょう</u> kerana ia mempunyai sebutan panjang. K12: Ejaan yang betul bagi perkataan <u>びょいん</u> ini adalah <u>びょういん</u> kerana ia mempunyai sebutan yang panjang. |
| 11 | <u>パーティー</u> (K13) は たのしく | K13: Perkataan dalam tulisan Katakana <u>パーティー</u> yang mempunyai sebutan panjang sepatutnya ditulis |

Analisis Kesalahan Tulisan Hiragana dan Katakana dalam Pembelajaran Bahasa Ketiga di UiTM

| | | |
|----|---|---|
| | て、 おもしろかったです。 | sebagai パーティー dengan penambahan simbol ー. |
| 12 | だいがくの まえで <u>バス</u> (K14) によって KL セントラルで LRT に <u>のりかえって</u> 、KLCC えきで おりました。 | K14: Perkataan dalam tulisan Katakana <u>バス</u> tidak mempunyai sebutan panjang tetapi pelajar meletakkan tanda sebutan panjang. Perkataan ini sepatutnya ditulis sebagai <u>バス</u> tanpa simbol ー. |
| 13 | わたしは KLIA で ひこうき によって、 <u>にほん 国</u> (K15) で おります。 | K15: Huruf vokal う juga seharusnya ditambah pada perkataan tulisan Hiragana <u>にほん 国</u> menjadi <u>にほん くに</u> kerana perkataan ini juga mempunyai sebutan panjang. |
| 14 | わたしは ともだちと ごご にじから ごごろ くじはんまで <u>サッカー</u> (K16) を します。 | K16: Simbol ー seharusnya ditambah pada perkataan dalam tulisan Katakana <u>サッカー</u> ini menjadi <u>サッカー</u> kerana perkataan ini mempunyai sebutan yang panjang. |

Dalam penulisan Hiragana, apabila kita ingin memanjangkan bunyi ‘a’ huruf vokal あ (*a*) akan ditambah, untuk bunyi ‘i’ huruf vokal い (*i*) akan ditambah, untuk bunyi ‘u’ dan ‘o’, huruf vokal う (‘u’) ditambah dan untuk bunyi ‘e’ huruf vokal え (*e*) akan ditambah. Bagi tulisan Katakana, simbol ー digunakan untuk menunjukkan sebutan perlu dipanjangkan.

Hasil analisis menunjukkan bahawa pelajar masih lagi keliru tentang ejaan yang betul bagi perkataan-perkataan tertentu. Dalam hal ini, pelajar yang masih tidak menguasai sebutan perkataan yang betul akan melakukan kesilapan dalam penulisan.

- **Penggunaan *Sokuon* (gandaan konsonan)**

Dalam bahasa Jepun, terdapat perkataan yang melibatkan konsonan berganda. Lazimnya huruf っ (*tsu*) bersaiz kecil digunakan. Contohnya perkataan **gakkō** ditulis sebagai がっこう, **kitte** ditulis sebagai きて dan **hassai** ditulis sebagai はっさい. Jadual 4 berikut dapat menunjukkan kesilapan penggunaan *Sokuon* yang dilakukan pelajar.

Jadual 4: Contoh Kesilapan pada *Sokuon*

| Bil. | Kesilapan Penulisan | Jenis Kesilapan |
|------|--|--|
| 1 | 2013一せんの やすみ に わたし と か ぞくは かんこく で 済州島 に きまし た。 済州島 は とても さむい です。 で も <u>たのしいかた</u> (K1) です。 | K1: たのしいかた (<i>tanoshikatta</i>) sepatutnya ditulis たのしか <u>つ</u> た (penambahan つ bersaiz kecil diperlukan dalam perkataan ini.) |
| 2 | UiTM から デパート まで <u>さんじぶ</u> <u>n</u> (K2) ぐらい かりました。 | K2: さんじ <u>つ</u> ぶ n (<i>sanjuppun</i>) sepatutnya ditulis さんじ <u>つ</u> ぶん / さんじ <u>ゅ</u> つぶん. Kesilapan untuk perkataan ini ialah n yang ditulis dengan huruf roman. Huruf つ kelihatannya tidak dimasukkan dalam penulisan perkataan ini. |
| 3 | <u>きつさてん</u> (K3) の たべものが お いしくて、たかいです。 | K3: きつさてん (<i>kissaten</i>) sepatutnya ditulis <u>きつ</u> <u>さてん</u> . Kesilapan untuk perkataan ini ialah つ yang digunakan bukan yang bersaiz kecil tetapi saiz yang sama dengan huruf-huruf yang lain. |

Huruf つ (tsu) mempunyai kepentingannya tersendiri dalam penulisan sesuatu perkataan. Kehadiran huruf つ (tsu) boleh memberi kesan terhadap pemahaman pendengar atau pembaca sekiranya huruf ini tidak digunakan dengan betul. Contohnya apabila perkataan サッカー disebut sebagai *sakkaa*, pendengar tahu yang penutur berbicara tentang bola sepak. Namun begitu, ketidakfahaman atau kekeliruan boleh timbul sekiranya huruf つ (tsu) digunakan dalam perkataan ini dan disebut sebagai *satsukaa*.

Sono ta (kesilapan-kesilapan lain)

Analisis juga menunjukkan bahawa terdapat kesilapan-kesilapan lain dalam penulisan pelajar yang melibatkan kesilapan ejaan dan kesilapan penggunaan huruf. Ini dapat dilihat dalam contoh-contoh berikut:

Jadual 5: Kesilapan-Kesilapan Lain dalam Penulisan

| Bil. | Kesilapan Penulisan | Jenis Kesilapan |
|------|---|--|
| 1 | はじめまして。わたしは イキラモ <u>すで</u> (K1)。わたしは がくせい <u>すで</u> (K2)。 | K1, K2: Perkataan <u>すで</u> 、sepatutnya ditulis <u>で</u> <u>す</u> 。(kesilapan susunan huruf). |

Analisis Kesalahan Tulisan Hiragana dan Katakana dalam Pembelajaran Bahasa Ketiga di UiTM

| | | |
|---|---|--|
| 2 | わたしは <u>にじゅうにざい</u> (K3)。 | K3: Kesilapan ejaan perkataan dalam huruf Katakana, にじゅうにざい sepatutnya ditulis にじゅうにざい. Konsonan ざ sepatutnya ditulis sebagai さ. |
| 3 | わたしは チャンさんと せんしゅうに シャアラム えきへ あいって、ナシレマックを たべましたと <u>コーヒー</u> (K4)を のみました。 | K4: Kesilapan ejaan perkataan dalam huruf Katakana, コーフ ー sepatutnya コーヒー. |
| 4 | まいあさ わたしは <u>こうね</u> (K5)えいって、ジョギングを したいです。 | K5: Kesilapan ejaan perkataan dalam huruf Hiragana こうね sepatutnya ditulis こうえん. |
| 5 | わたしは うちの まえで ばすにのって、こうねの <u>しかく</u> (K6)でおります | K6: Perkataan しかく sepatutnya ditulis ちかく (kesilapan penggunaan huruf yang bunyinya hampir sama). Huruf ち 'chi' silap ditulis dengan huruf し 'shi'. |
| 6 | きのう わたしは ともだちと たんじょうびの <u>パーティー</u> (K7)おしますから、とても うれしかったです。 | K7: Kesilapan ejaan perkataan dalam huruf Katakana, パーチイー sepatutnya パーティー. Konsonan チ seharusnya ditulis テ. |
| 7 | わたしは あした <u>でばと一</u> (K8)えいって、かいものお したいです。 | K8: Perkataan でばと一 adalah perkataan pinjaman, sepatutnya ditulis dalam huruf Katakana デパート. |
| 8 | わたしたちは <u>ごぜ n</u> (K9) はちじに くるまで かえりました。 | K9: Perkataan ごぜ n sepatutnya ditulis sebagai ごぜん. Ini adalah kesilapan menggunakan huruf roman n. |
| 9 | きのうは わたしの <u>たんじょうび</u> (K10)でした。 | K10: Perkataan たんじょうび sepatutnya ditulis sebagai たんじょうび. Ini adalah kesilapan dan kekeliruan dalam huruf Hiragana じよ dan じょ. |

Berdasarkan contoh-contoh yang diberikan, terdapat juga kesalahan-kesalahan lain yang dilakukan pelajar. Secara umumnya kesilapan-kesilapan ini berlaku kerana kurangnya ilmu bahasa Jepun di kalangan pelajar-pelajar ini. Perkara ini berlaku kerana pelajar-pelajar kurang menggunakan bahasa Jepun dengan meluas. Tambahan lagi, pelajar-pelajar juga tidak berpeluang untuk bertutur menggunakan bahasa tersebut di luar waktu kelas. Ini menyebabkan berlakunya kesilapan walaupun kesilapan tersebut bukanlah sesuatu yang besar atau serius. Ia sepatutnya tidak berlaku sekiranya pelajar biasa bertutur atau menulis dalam bahasa Jepun.

Dapat dirumuskan bahawa kebanyakan pelajar kurang menguasai kemahiran membaca huruf-huruf dan perkataan dalam tulisan Katakana berbanding tulisan Hiragana. Perkataan-perkataan Katakana dalam setiap bab tidak banyak kerana tulisan ini hanya digunakan sekiranya perkataan tersebut adalah perkataan pinjaman. Didapati juga pelajar sendiri kurang peka dan keliru sama ada huruf tersebut perlu ditulis dalam Katakana, Hiragana atau Kanji. Malahan pelajar juga tidak pasti bilakah sistem tulisan ini seharusnya digunakan.

Hasil kajian awal mendapati bahawa pensyarah tidak dapat mengesan dari awal dan memastikan sama ada pelajar dapat menguasai atau tidak kemahiran menulis dan membaca. Pensyarah hanya menyedarinya apabila pelajar menyerahkan tugas/latihan tulisan pada minggu ke-8 atau ke-9 dan semasa ujian membaca pada minggu ke-10. Ini dapat dilihat dengan jelas dalam hasil analisis terhadap tugas pelajar yang diserahkan kepada pensyarah.

Dicadangkan masa untuk kelas bahasa ketiga ditambah sekurang-kurangnya sejam bagi memberikan tumpuan khusus untuk kemahiran membaca dan menulis. Jumlah pelajar yang ramai juga diharapkan dapat dikurangkan menjadi 20-25 orang bagi setiap kumpulan agar tumpuan yang lebih dapat diberikan kepada pelajar.

Pelajar-pelajar juga diharapkan dapat mencari peluang untuk menggunakan bahasa Jepun yang dipelajari. Penguasaan bahasa hanya boleh ditingkatkan apabila pelajar selalu didedahkan dengan penggunaan bahasa tersebut.

Analisis Kesalahan Tulisan Hiragana dan Katakana dalam Pembelajaran Bahasa Ketiga di UiTM

Kesimpulan

Dapatan daripada analisis menunjukkan bahawa sememangnya pelajar masih lagi keliru dengan penggunaan sistem tulisan dalam bahasa Jepun. Biarpun telah mengikuti kursus bahasa Jepun sehingga Tahap III, pelajar masih keliru dan kurang faham penggunaan sistem tulisan yang sepatutnya. Pelajar juga didapati masih lagi keliru dengan penggunaan sesuatu huruf dan partikel yang betul dalam penulisan. Dalam masa yang sama, kekangan masa, mobiliti pensyarah dari satu fakulti ke fakulti yang lain menyebabkan pengajaran bahasa ini ada ketikanya didapati sukar untuk dilaksanakan secara berkesan. Penambahbaikan yang dicadangkan diharapkan dapat dilaksanakan agar pengajaran bahasa Jepun sebagai bahasa ketiga dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Rujukan

- Aini Aziz, Sarinah Sarif & Nor Rasimah Abd. Rashid. 2014. *Hajimete No Nihongo I*. Kuala Lumpur: Pustaka Nadwa Sdn. Bhd.
- Choong Pow Yean, Naha Rajan & Zainab Mokhtar. 2014. *Hajimete No Nihongo II*. Kuala Lumpur: Pustaka Nadwa Sdn. Bhd.
- Jie Chi Yang & Kanji Akahori. 1998. Error Analysis in Japanese Writing and Its Implementation in a Computer Assisted Language Learning System on the World Wide Web. *CALICO Journal*. Vol. 15, No. 1/3 (1998), pp. 47-66. <https://www.jstor.org/stable/24147683>.
- Muhammad Salim Hossain & Muhammad Kamal Uddin. 2009. A Cognitive Psychological Explanation of Difficulties in Learning Katakana. *The Dhaka University Journal of Linguistics*. Vol.1 No.2 August, 2008. pp: 147-156. Published on August 2009. Dhaka University.
- Normah Ahmad, Sarinah Sarif, Nur Anisah Tan & Simah Md Noor. 2014. *Hajimete No Nihongo III*. Kuala Lumpur: Pustaka Nadwa Sdn. Bhd
- Roswati Abdul Rashid, Radhiah Ismail & Noor Haslina Mohamad Akhir. 2007. Kepelbagaian Strategi Pembelajaran Tulisan Asas Bahasa Jepun (Hiragana): Satu Kajian Deskriptif. *Journal of Language, Linguistics and Literature*. Vol. 13, 2007. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sunarti, Rangga R.Y, Dedi Damhudi. 2016. Aplikasi Pembelajaran Huruf Hiragana dan Katakana Dilengkapi dengan Suara Berbasis Android. *Jurnal Sains, Teknologi dan Industri*, Vol. 14, No. 1, Disember 2016, pp.9 – 16. ISSN 2407-0939 online.
- Syahrul Noer Rachmad. 2013. Program Pembelajaran Aksara Jepang Hiragana dan Katakana Menggunakan Java. *Journal of Information Technology and Telematics*, Vol. 2, No. 1.
- Tiya Iriyanti dan Rusmiyati. 2019. Analisis Kesalahan Menulis Huruf *Hiragana* Dan *Katakana* Pada Kosakata *Futsuu Meishi* Dalam Karangan Sederhana Bahasa Jepang Twaema “Uchi” Siswa Kelas Xi Mia Sman 1 Sumberrejo Bojonegoro Tahun Ajaran 2017/2018. *JurnalMahasiswa.unesca.ac.id*. Hikari 3 (2), 2019.
- Uning Kuraesin. 2010. Belajar Cepat Hiragana Melalui Metode Pembelajaran Game. <https://fdokumen.com/document/belajar-cepat-hiragana-melalui-metode-pembelajaran-game.html>.
- Uyun Suciwati dan Retnani. 2019. Analisis Kesalahan Menulis Kosa Kata Katakana *Meishi* Pada Siswa Kelas XI Bahasa SMA Negeri 1 Tahun Pengajaran 2017/2018. *JurnalMahasiswa.unesca.ac.id*. Hikari 3 (2), 2019.